

Menambah baik sungai atasi banjir

KUALA LUMPUR: Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar mungkin akan mengemukakan cadangan untuk menambah baik semua sungai di sekitar Kuala Lumpur bagi mengatasi masalah banjir kilat jika ia kerap berlaku.

Menterinya, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin (*gambar*) berkata, banjir yang berlaku di beberapa kawasan di Kuala Lumpur petang kelmarin berpunca daripada saliran sedia ada tidak mampu menampung air hujan yang terlalu banyak sehingga ia melimpah.

“Kita akan kaji perkara ini, jika ia sangat kerap berlaku, kemungkinan untuk menambahbaik semua sungai perlu dilaksanakan tetapi jika hanya sekali atau dua kali setahun, perkara itu tidak perlu kerana ia memerlukan perbelanjaan yang sangat besar,” katanya di Parlimen semalam.



Beliau berkata, untuk tempooh masa terdekat, kementerian akan mengadakan perbincangan dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi mengkaji semula sistem perparitan di sekitar ibu negara bagi memastikan sistem mampu menampung jumlah air hujan yang banyak dan mengurangkan insiden banjir kilat pada masa akan datang.

“Saya juga menasihatkan

penduduk Kuala Lumpur terutama peniaga supaya bekerjasama menjaga keadaan perparitan di sekitar mereka kerana perbuatan membuang sampah sehingga menyebabkan tersumbat juga menjadi punca banjir,” katanya.

Sementara itu, dalam sidang media selepas merasmikan Majlis Anugerah Cemerlang 2012 Yayasan Pendidikan Titiwangsa, semalam, Raja Nong Chik berkata, sebanyak 18 kawasan di sekitar Kuala Lumpur terjejas akibat banjir kilat termasuk Bandar Sri Permaisuri, Jalan Yaakob Latiff, Bulatan Cheras, Salak Selatan, Sri Rampai, Jalan Ipoh, Kepong, Jalan Tun Razak, Kampung Setia Jaya dan Setapak.

Selain itu, beliau berkata, tanah runtuh turut berlaku di Taman Melati dan Seksyen 5, Wangsa Maju, selain insiden pokok tumbang di tiga kawasan berhampiran.